



**BORANG PENYERTAAN  
KEJOHANAN GOLF MSSPP  
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

Nama Sekolah : \_\_\_\_\_

No Telefon : \_\_\_\_\_

No. Fax : \_\_\_\_\_

Nama Guru Pengiring : \_\_\_\_\_ No.Telefon : \_\_\_\_\_

| BIL | NAMA PEMAIN | Jantina | Peringkat<br>Umur<br>( 12/15/ 18 ) | No K/P atau<br>S.Beranak | Nombor Telefon |
|-----|-------------|---------|------------------------------------|--------------------------|----------------|
| 1   |             |         |                                    |                          |                |
| 2   |             |         |                                    |                          |                |
| 3   |             |         |                                    |                          |                |
| 4   |             |         |                                    |                          |                |
| 5   |             |         |                                    |                          |                |
| 6   |             |         |                                    |                          |                |

Tandatangan Pengesahan : .....  
[PENGETUA /GURU BESAR]

COP SEKOLAH:

TARIKH:

# UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN GOLF MSSPP 2012

## 1: SISTEM PERTANDINGAN

### 1.1 PERATURAN

1.1.1 **Pertandingan** ini akan dijalankan mengikut undang-undang 'The Royal and Ancient Club Of St Andrews' dan 'Local Rules' kelab **golf** di mana **pertandingan** dijalankan.

1.1.2 Para peserta mesti melaporkan diri kepada 'starter' 10 minit sebelum 'tee-off'. Jika peserta berada di tempat permulaan dalam masa 5 minit selepas permulaan tanpa sebab yang munasabah akan dikenakan penalti mengikut **peraturan** 33-7. Penalti yang dikenakan kerana gagal bermula pada masa yang ditetapkan adalah 2 kali pukulan, tetapi penyertaan tidak dibatalkan.

1.1.3 Semua keputusan Jawatankuasa Pengelola muktamad.

### 1.2 PENYERTAAN PESERTA

1.2.1 Semua pelajar atau murid sekolah yang belajar sepenuh masa di sekolah-sekolah yang mendaftar dan menjadi ahli MSSPP layak menyertai **pertandingan** ini.

1.2.2 Setiap pelajar mestilah mempunyai kad ' Handicap ' atau surat pengesahan dari Kelab **Golf** masing-masing.

1.2.3 Mempunyai sekurang-kurangnya Handicap 24 ( USGA ) bagi peserta lelaki dan 36 (USGA ) bagi peserta perempuan.

1.2.4 Pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia ( SPM ), jika **pertandingan** ini dijalankan pada penggal pertama, tidak dibenarkan mengambil bahagian.

### 1.3 KUMPULAN UMUR PESERTA

1.3.1 MSSPP mengadakan **pertandingan** bagi 3 kumpulan umur iaitu Lelaki 18 Tahun, 15 Tahun dan 12 Tahun ke bawah manakala perempuan terdiri daripada peringkat umur 18 Tahun, 15 Tahun dan 12 Tahun ke bawah.

1.3.2 Kiraan umur adalah dikira pada 1hb. Januari tahun **pertandingan** dijalankan.

## **1.4 BORANG PENYERTAAN**

1.4.1 Pemohonan menyertai kejohanan mestilah dibuat melalui borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

1.4.2 Semua peserta hendaklah menyatakan butiran diri berikut dan disediakan 1 salinan dokumen.

1.3.2.1 Kad pengenalan atau sijil kelahiran.

1.3.2.2 Kad handicap atau surat pengesahan handicap dari kelab **golf** masing-masing atau badan-badan profesional yang diakui oleh MGA

1.4.3 Setiap peserta mesti mempunyai sekurang-kurangnya handicap 24 (USGA) bagi lelaki dan 36 (USGA) bagi perempuan.

1.4.4 Senarai nama pemain atau pelajar mestilah disampaikan kepada Pengerusi Teknik atau Unit Sukan 1 minggu sebelum tarikh **pertandingan**.

1.4.5 Setiap peserta hendaklah diiringi oleh guru pengiring.

## **1.5 PAKAIAN**

1.5.1 Semasa **pertandingan** peserta dikehendaki memakai pakaian **golf** sesuai. Kemeja tanpa kolar. Seluar trek dan jeans tidak dibenarkan sama sekali. Pihak pengelola berhak tidak membenarkan peserta mengambil bahagian sekiranya melanggar arahan ini.

1.5.2 Semasa menghadiri upacara perasmian peserta dikehendaki memakai pakaian seragam sekolah atau baju kemeja, beseluar panjang dan berkasut.

## **1.6 ACARA PERTANDINGAN**

1.6.1 Acara individu **Pertandingan** ini akan ditentukan berdasarkan kiraan skor gross ( 36 lubang ) yang diperolehi oleh para pemain di dalam setiap pasukan. Pemain yang mendapat skor gross yang rendah ialah juara ( pingat emas ) di ikuti kedua terendah ( pingat perak ) dan seterusnya yang ke-3, (pingat gangsa) Jika terdapat keputusan seri, kiraan semula dalam 18 lubang terakhir, 9 lubang terakhir, 3 lubang terakhir, 2 lubang terakhir dan lubang terakhir mengikut susunan di atas.

## **1.7 PENGGUNAAN KEMUDAHAN**

Pemain-pemian tidak dibenarkan menggunakan khidmat kedi kecuali bagi pemain peringkat umur 12 Tahun dan kebawah sahaja. Bayaran kedi hendaklah dijelaskan sendiri oleh peserta terus kepada kedi berkenaan.

## 1.8 MASALAH CUACA

Jika berlaku bencana atau masalah cuaca yang menyebabkan **pertandingan** tidak dapat teruskan atau dilangsungkan, skor hari pertama akan diambil kira.

### PERATURAN 2- MENARIK DIRI DAN / ATAU MENYERAH KALAH

2.1 Pasukan atau peserta yang telah bersetuju mengambil bahagian ,tidak dibenarkan menarik diri semasa **pertandingan** dijalankan

2.2 Sekiranya sesebuah peserta menarik diri atau menyerah kalah daripada **pertandingan** ,semua keputusan **pertandingan** yang dimainkan oleh peserta akan dibatalkan. Pasukan tersebut tidak dibenarkan menyertai **pertandingan** seterusnya dan tindakan tatatertib akan diambil atas pasukan berkenaan.

### PERATURAN 3 BANTAHAN

3.1 Sila rujuk **peraturan** Am (13) MSSPP

3.2 Bantahan bertulis dengan menggunakan Borang Bantahan yang ditandatangani oleh seorang pegawai pasukan berdaftar,hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa Pengelola Pertandingan atau wakilnya tidak lewat daripada 30 minit selepas **pertandingan** dengan besertakan wang pertaruhan RM200.00.

3.3 Tempoh penyerahan bantahan rasmi ialah 30 minit selepas **pertandingan** selesai.

3.4 Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan ditolak

3.5 Keputusan Juri Rayuan hendaklah disampaikan secara rasmi kepada pasukan tersebut dan keputusannya adalah muktamad

### PERATURAN 4 : JURI RAYUAN

4.1 Sila rujuk **Peraturan** Am MSSPP

### 4.2 PERATURAN 5: LEMBAGA TATATERTIB

Sila rujuk **Peraturan** Am MSSPP

### PERATURAN 5 : KESELAMATAN

5.1 Pihak Pengelola **pertandingan** MSSPP akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini di tempat penginapan atau **pertandingan**.

5.2 Sebarang kehilangan atau kerosakan harta benda semasa **pertandingan** adalah tanggungjawab peserta sendiri, bagaimanapun beberapa persediaan diadakan untuk

mengelakkan kehilangan atau kemalangan.

## **PERATURAN 6 : INSURANS**

6.1 Semua pegawai dan peserta yang menyertai kejohanan permainan MSSPP hendaklah dilindungi insurans.